

LAPORAN AHIR LATIHAN INDUSTRI DA  
PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN  
TERENGGANU UTARA  
(NETARA)

DISEDIAKAN OLEH :

ANITA BINTI JUNOH  
SARJANA MUDA SAINS  
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGAJIAN AM  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

1100032986

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang Anita Linti Junoh		No. Panggilan LI 3 EPE 1 2102	
Judul Industri pembangunan pertanian Terengganu utara (KETARA)			
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN  
TERENGGANU UTARA  
(KETARA)**

**Oleh  
ANITA BINTI JUNOH  
Sarjana Muda Sains  
(Polisi Awam Dan Sekitaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2002**

**1100032986**

## **PENGHARGAAN**

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmatNya dapat saya menyiapkan laporan latihan industri ini dengan sedaya upaya yang termampu. Pertama sekali ucapan ribuan terima kasih keada pihak KUSTEM kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program latihan industri yang dilancarkan. Melalui peluang yang diberikan ini telah banyak memberi kelebihan dan manfaat kepada saya.

Selain daripada itu juga, ribuan terima kasih juga kepada pihak KETARA yang sudi dan bermurah hati untuk menerima dan sekaligus memberi peluang untuk saya menjalankan latihan industri ini. Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih dirakamkan kepada penyelia latihan industri KUSTEM iaitu Ustaz Zakaria kerana sudi memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan kepada saya dalam menjalankan tanggungjawab saya sebagai seorang mahasiswa semasa menjalankan latihan ini.

Kepada penyelia organisasi iaitu En. Rosman Yaacob, ucapan setinggi penghargaan kerana banyak memberi dan menghulurkan bantuan terutamanya seperti nasihat, pandangan, tunjuk ajar dalam melakukan aktiviti yang dipertanggungjawabkan oleh organisasi. Tanpa pertolongan dan tunjuk ajar dari kedua-dua belah pihak ini mungkin saya tidak akan dapat menyiapkan laporan ini dengan sempurna.

Penghargaan yang seterusnya ditujukan khas buat keluarga tersayang kerana tidak jemu memberi semangat dan dorongan supaya terus berusaha dan dapat mengharungi setiap masalah dan rintangan yang dihadapi dengan tenang dan tabah.

Buat teman-teman seperjuangan, ucapan ribuan terima kasih kerana sudi bertukar-tukar pendapat dan saling bantu-membantu dalam semua aktiviti atau kegiatan yang dilakukan terutamanya berkaitan dengan latihan industri ini.

Sekian Terima Kasih. Wassalam.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan	
Ringkasan Perkataan	
Ringkasan Eksekutif	iii
Bab 1: Latar Belakang Organisasi	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Ringkas Penubuhan	2
1.1.2 Pemilikan	8
1.1.3 Tumpuan Pasaran	18
1.2 Carta Organisasi	26
1.3 Aktiviti Organisasi	27



1.4	Kemahiran Yang Dipelajari	33
-----	---------------------------	----

## Bab 2: Pengenalpastian Masalah dan Cadangan Penyelesaian

### 2.1 Penemuan Masalah

2.1.1	Mengesan Sistem Sedia Ada	35
-------	---------------------------	----

2.1.2	Mengenalpasti Masalah	37
-------	-----------------------	----

### 2.2 Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan

2.2.1	Rumusan Analisis dan Perbincangan	41
-------	-----------------------------------	----

2.2.2	Cadangan Penyelesaian	43
-------	-----------------------	----

2.2.3	Perlaksanaan Cadangan dan Aplikasi	47
-------	------------------------------------	----

Penutup		49
---------	--	----

Rujukan		51
---------	--	----

Lampiran

## **RINGKASAN PERKATAAN**

KETARA	- Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara
IADP	- Integrated Agriculture Development Project
KDC	- Korea Development Cooperation
ADB	- Bank Pembangunan Asia
PMU	- Unit Pengurusan Projek
LKIM	- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MARDI	- Malaysian Agriculture Research And Development Institute
FAMA	- Federal Agricultural Marketing Authority
LPN	- Lembaga Padi dan Beras Negara
LPP	- Lembaga Pertubuhan Peladang
LTN	- Lembaga Tembakau Negara
JPS	- Jabatan Pengairan dan Saliran
AFTA	- Kawasan Perdagangan Bebas Asean
KPA	- Kumpulan Pengguna Air
BERNAS	- Lembaga Beras National

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) merupakan sebuah organisasi yang terletak di bahagian utara negeri Terengganu di mana bersempadan dengan negeri Kelantan. Terdapat pelbagai aktiviti atau program yang dilancarkan oleh projek ini yang mana setiap aktiviti yang dilancarkan semuanya berkaitan dengan sektor pertanian.

Penubuhan KETARA yang mendapat sokongan rakyat negeri ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan keluarga petani, penternak dan nelayan serta bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan untuk keperluan negara dan eksport.

Selain daripada itu, tujuan lain bagi penubuhan projek ini adalah untuk mempelbagaikan bidang pertanian, perikanan dan penternakan serta kegiatan hiliran dan mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan projek.

Setelah menjalani latihan praktikum di organisasi ini lebih kurang selama tiga bulan, terdapat banyak pendedahan yang telah dipelajari dan ianya amat berguna untuk dijadikan sebagai pengalaman daalm diri seseorang mahasiswa.

Antara kepentingan latihan praktikum ini ialah seperti memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang alam pekerjaan yang sebenar dan dapat melatih diri serta dapat menonjolkan keterampilan dan potensi diri sebelum melibatkan diri dalam dunia pekerjaan yang sebenar.

Manakala pendekatan yang diperolehi semasa menjalani latihan ini ialah dapat mendekati dan mengenalpasti sedikit sebanyak tentang masalah yang timbul dalam organisasi dari pelbagai bentuk yang dikaji. Selain daripada itu juga, dapat mengkaji sistem pentadbiran atau pengurusan sesuatu organisasi dalam melaksanakan sesuatu program. Berdasarkan kepada pendekatan yang dinyatakan jelas menunjukkan kepada kita bahawa latihan praktikum ini amat penting dan perlu didedahkan kepada semua peringkat pembelajaran terutamanya kepada golongan mahasiswa.

Sebagaimana yang sudah sedia maklum dan memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap organisasi mesti mempunyai masalah yang tersendiri dalam menjalankan bidang tugas yang ditetapkan. Antara masalah yang dapat dikenalpasti dalam organisasi ini ialah masalah dari segi kewangan, pentadbiran, operasi dan juga pemasaran. Sebagai contoh yang diambil, secara ringkasnya rumusan yang dapat dibuat tentang masalah yang berkaitan dengan

sikap masyarakat atau petani kerana setiap kegiatan yang dilakukan sentiasa berhadapan dengan masyarakat. Ini kerana terdapat sebahagian daripada mereka yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Selain dari itu, masalah dari segi kewangan juga penting kerana jika timbulnya masalah dari aspek ini akan mengganggu dan membantutkan perkembangan dan pembangunan sesuatu organisasi. Jadi untuk mengatasi daripada hal ini terus berlaku, maka alternatif-alternatif yang sewajarnya haruslah diambil untuk memastikan sistem kemajuan dan sekaligus dapat mencapai matlamat atau objektif yang dihasratkan.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULISTIAH NUR ZAHIRAH